

## **Budi-Islam sebagai Teras Pembinaan Identiti Melayu: Satu Analisis Mengikut Perspektif Peradaban**

*Budi-Islam as a Core of The Development of Malay Identity:  
An Analysis According to Civilization Perspectives*

Wan Norhasniah Haji Wan Husin

### **Abstrak**

*Budi-Islam merupakan teras kepada pembentukan jati diri dan identiti komuniti Melayu. Tinjauan daripada kajian yang lepas menunjukkan budi-Islam berperanan utama dalam mencorakkan pemikiran, pergerakan dan perlakuan komuniti Melayu. Kemunculan budi adalah secara semula jadi dan peneguhannya diperkasakan lagi dengan sistem adat (norma sosial Melayu) dan persekitarannya yang dipengaruhi oleh falsafah kelautan dan semangat padi. Kemunculan budi menjadi lebih utuh menerusi ikatannya dengan Islam melalui perkongsian matlamat yang sama. Hasil interaksi tersebut telah melahirkan nilai-nilai sosial tertentu iaitu tolak ansur, hormat menghormati, kerjasama, bertimbang rasa, pemaaf, malu dan sabar. Menerusi perspektif peradaban, pemahaman mengenai kedudukan budi-Islam sebagai teras identiti Melayu dapat dirungkaikan dengan mengkaji sosiobudaya, sosioekonomi, sosiopolitik dan menganalisa ungkapan-ungkapan yang terangkum di dalam peribahasa, pepatah dan bahasa kiasan Melayu. Manakala untuk melihat sejauh mana budi-Islam berperanan mengemudi perlakuan dan tindakan komuniti Melayu, ia boleh dikenal pasti dengan mengkaji sejarah hubungan etnik sama ada yang melibatkan hubungan sesama Melayu ataupun dengan komuniti bukan Melayu semenjak dari zaman Kerajaan Melayu-Hindu Srivijaya, Kerajaan Melayu-Islam Melaka dan berterusan sehingga kini.*

**Kata kunci** *Budi-Islam, Peradaban Melayu-Islam, identiti Melayu, tolak ansur, hubungan etnik.*

### **Abstract**

*Budi-Islam is the core pillar in the formation of Malay identity and its community. From the survey of past studies it indicates that budi-Islam plays the main role in moulding the thinking, action and behaviour of the Malay community. The emergence of budi can be said to happen naturally and its presence is strengthened through*

*the practice of Malay social norms known as adat and its environment which can be philosophically understood as the spirit of paddy. The position of budi is further strengthened with the support of Islam whereby both share the same objectives. The interaction between Islam and budi has generated several social norms such as tolerance, respecting each other, cooperation, considerate, forgiveness, shyness and patience. Through civilizational perspective, the understanding on the position of budi-Islam as the core pillar in the formation of Malay identity can be dug out by analyzing the community social-cultural, social-economy and dissecting several forms of idiomatic expressions and proverbs like the peribahasa, pepatah and bahasa kiasan. To understand the role of budi-Islam in moulding the community behaviour one can study how the community interacts among themselves and with non Malay communities since the kingdom of Malay-Hindu Srivijaya and then the kingdom of Malay-Islam Malacca till today.*

**Keywords** *Budi-Islam, Malay-Islam Civilization, Malay identity, tolerant, ethnic relation.*

## PENDAHULUAN

Setiap komuniti etnik memiliki identiti tersendiri. Menerusi pemahaman terhadap identiti berkenaan, pembangunan dan pembinaan identiti sesebuah negara dari sudut agama, bahasa, pendidikan, politik, ekonomi dan sosial yang lebih berkesan akan dapat dikenal pasti. Penulisan ini akan mengulas mengenai kedudukan *budi-Islam* sebagai teras identiti komuniti Melayu. Antara pengkaji yang telah membahaskan peranan *budi-Islam* dalam kehidupan Melayu adalah seperti Zainal Kling (2000), Wan Abdul Kadir (2000) dan Lim Kim Hui (2003). Zainal Kling (1993) menyentuh mengenai *budi*, tetapi penumpuannya lebih kepada penerangan mengenai nilai berkenaan tanpa mengaitkannya dengan pembentukan identiti Melayu. Manakala kepada Wan Abdul Kadir (1993) pula, *budi*, walaupun penerangannya menyentuh mengenai nilai-nilai sosial yang muncul dari *budi* seperti bertolak ansur, bertimbang rasa, hormat menghormati, malu dan pemaaf, namun perkaitannya dengan identiti komuniti Melayu tidak dinyatakan. Begitu juga dengan kajian Lim Kim Hui lebih menerangkan peranan *budi* dalam memaparkan emosi mereka menerusi peribahasa, tanpa mempertalikkannya dengan jati diri komuniti Melayu. Justeru, setakat penganalisan yang dibuat, penulisan ini mendapati belum ada lagi kajian yang mengaitkan peranan *budi-Islam* sebagai teras pembinaan identiti dan jati diri komuniti Melayu. Hasil penganalisan terhadap kajian-kajian lalu dengan memfokuskan kepada trend perlakuan dan tindakan komuniti Melayu sama ada ketika berinteraksi sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Melayu, didapati pencorakan dan pengemudian idea pemikiran, perlakuan dan tindakan mereka adalah dipengaruhi daripada kedua-dua cantuman nilai ini. Pemahaman mengenai identiti Melayu yang bertunjangan daripada *budi-Islam* lebih difahami apabila nilai-nilai berkenaan dengan sistem adat iaitu norma sosial Melayu yang telah melahirkan nilai-nilai sosial yang lebih khusus iaitu nilai tolak ansur, hormat menghormati, kerjasama, bertimbang rasa, pemaaf, malu dan sabar. Penekanan dari sudut ini penting kerana hasil dari pemahamannya, bagaimana identiti komuniti Melayu terbina boleh difahami.

## KEDUDUKAN *BUDI-ISLAM* SEBAGAI TERAS IDENTITI MELAYU MENGIKUT PERSPEKTIF PERADABAN

Perspektif peradaban merujuk kepada pendekatan yang membahaskan nilai dalaman yang membina minda dan diri (*mind and self*) di peringkat individu. Dari sini ia meresap dalam hubungan kekeluargaan, kemasyarakatan dan seterusnya bertanggungjawab dalam mengemudikan perlakuan dan tindakan mereka. Kemunculan nilai dalaman ini adalah berbeza antara sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain kerana ia bergantung kepada kerangka budaya manakah komuniti berkenaan muncul (Alisjahbana, 1966).

Tinjauan dari kajian lalu menunjukkan *budi* dan *Islam* adalah teras utama dalam pembinaan identiti Melayu, yang bermula di peringkat individu dan kemudiannya menjadi teras pembentukan jati diri komuniti Melayu. Kemunculannya adalah secara semula jadi dan terangkum di dalam alam jiwa (ruh) Melayu, yang terdapat dalam gagasan *budidaya*. Di sini *budi* dirujuk sebagai alam jiwa, manakala 'daya' pula merupakan gerak laku fizikal. Hasil daripada kombinasi *budi* dan daya, telah mewujudkan kebudayaan yang merujuk kepada segala bentuk warisan ciptaan kehidupan Melayu yang bermasyarakat (Zainal Kling, 1995). *Budi*, mengikut Zainal Kling dijemakan sebagai teras (*foundation*) di dalam lubuk jiwa komuniti Melayu yang seterusnya mempengaruhi tindakan mereka, ketika beinteraksi sesama manusia yang bermatlamatkan pemerolehan perpaduan dan keamanan dalam hidup bermasyarakat (temu bual, Feb. 2006).

Pembinaan identiti Melayu berkait rapat dengan peranan nilai dalaman *budi* yang menjadi asas dalam mencorakkan peribadi dan jati diri Melayu. Ia terungkap hasil dari gabungan akal dan rasa. Melalui peranan akal, individu Melayu berfikir dan memilih sesuatu tindakan agar selaras dengan kehendak akhlak, moral dan etika yang unggul untuk mempertimbangkan keperluan diri dan kepentingan orang luar, iaitu '*ingatkan orang lain dan mendengar apa orang lain kata*'. Pemupukan sifat keberhatian telah membentuk peribadi Melayu yang berhemah tinggi, beradat dan beradab. Manakala rasa pula membentuk satu keupayaan mental yang halus dan berakhlak sehingga melahirkan satu 'perasaan dalaman' yang mempunyai naluri perasa. Suasana halus ini terungkap melalui ucapan 'timbang rasa' dan 'rasa hati' yang melambangkan tahap akal Melayu yang tinggi dan berseni. Ianya lahir dari akal pemikiran, hati dan perasaan yang memerlukan sesuatu yang baik dari seseorang (Zainal Kling, 1995; Wan Abdul Kadir, 1993). Dalam membina identiti dan peribadi diri ketika berinteraksi sama ada ada dalam komuniti sebangsa ataupun majmuk, peranan *budi* terungkap menerusi tiga prinsip. *Budi bicara*, yang melambangkan kebijaksanaan semasa berkomunikasi, *budi pekerti* yang melambangkan peribadi terpuji dan *budi bahasa* menunjukkan kata-kata kelakuan yang halus (Zainal Kling, 1993; hal.55-56). Justeru, *budi* di sini merujuk kepada satu gagasan kelakuan, kehalusan penggunaan bahasa dan kehalusan perhubungan sesama manusia melalui penggunaan akal fikiran yang diluahkan melalui yang diucapkan sebagai bertimbang rasa (Zainal Kling, 1995; hal.4).

Pemahaman *budi* secara saintifik adalah sukar kerana ia membabitkan nilai dalaman Melayu yang bersifat abstrak. Keabstrakan fenomena *budi* samalah seperti dengan sifat budaya sesebuah komuniti etnik yang hanya boleh difahami secara menyeluruh

oleh anggota komunitinya sahaja. Budaya itu diibaratkan seperti simbol dan lambang yang mempunyai maksud tersendiri, yang hanya boleh difahami oleh sesiapa yang berada dalam peraturan yang sama. Misalnya lambang had laju, berhenti, beri laluan di jalan raya dan sebagainya tidak diterjemahkan dalam bahasa tetapi hanya difahami oleh semua pengguna jalan raya. Begitu juga dengan *budi* yang tercantum dengan *budi bahasa*, *budi pekerti* dan *budi bicara* ketika berinteraksi dengan persekitaran, sesama manusia dan juga Penciptanya (Zainal Kling, 1995; hal. 55-56).

Kelahiran nilai *budi* di lubuk jiwa Melayu terikat kukuh dengan agama Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi panduan kehidupan bermasyarakat (Hamka, 1981). Penyebatian dalam acuan *budi* kemudian telah terserap utuh dalam sistem adat Melayu (norma sosial) sehingga melahirkan perbilang kata;

*Adat bersendikan Syarak*  
*Syarak bersendikan Kitabullah*  
*Kuat Adat, tak gaduh Hukum*  
*Kuat Hukum, tak gaduh Adat*  
*Ibu, Hukum muafakat*  
*Ibu, Adat muafakat*

Islam sebagai *al-din* yang diturunkan kepada umat manusia merupakan sistem tatacara hidup yang lengkap bagi menjamin kebahagiaan dan kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat. Syariat Islam telah memberi panduan yang jelas kepada manusia sebagai asas dalam pembentukan diri, masyarakat dan kenegaraan sehingga berjaya membangunkan satu peradaban yang unggul, iaitu peradaban Islam. Kekuatan pengaruh Islam dalam peradaban Melayu begitu jelas sehingga gagal untuk dipisahkan. Kemunculan Islam di Alam Melayu telah membawa kesan yang meluas dalam sistem sosiobudaya komuniti Melayu dan mengubah corak sosio-politik dari bertemakan kehinduan kepada penerapan nilai kemelayuan-Islam. Antaranya seperti, pelaksanaan sistem perundangan yang berlandaskan Islam pada zaman pemerintahan Kerajaan Melayu-Islam di Melaka dan kerajaan Melayu-Islam di Aceh (Perlak).

Menurut Al-Attas (1966), pengenalan terhadap ajaran yang berpaksikan kepada ‘tauhid’, iaitu memperakukan hanya keesaan Allah S.W.T dan sekali gus menolak penyembahan terhadap dewa-dewa dan alam ghaib, telah memberi kesedaran yang mendalam kepada komuniti Melayu. Dari sini mereka mula menyedari peranan keupayaan akal manusia yang tinggi, yang bersesuaian dengan kedudukan mereka sebagai ‘khalifah Allah S.W.T. di bumi’. Kesedaran berkenaan telah menyuburkan bibit-bibit intelektualisme dan rasionalisme dalam kalangan komuniti Melayu. Manakala kedudukan ‘tauhid’ yang diiringi dengan konsep ‘takwa’ telah mengukuhkan lagi keimanan terhadap Allah SWT iaitu tiada perbezaan melainkan mereka yang beriman dan bertaqwa kepada-Nya. Dengan itu, pengenalan konsep ‘tauhid’ dan ‘taqwa’ sekali gus berjaya menolak pemujaan sesama manusia, khususnya terhadap golongan raja, ketua dan perbezaan darjat manusia mengikut sistem kasta, yang kuat dipertahankan dalam fahaman Hindu. Menurut Al-Attas juga (1972), pengenalan terhadap kedua-dua konsep penting inilah, memungkinkan Islam di Kepulauan Melayu dan Kepulauan Indonesia diterima secara menyeluruh sehingga merangkumi segenap lapisan masyarakat, mencakupi kelas atasan dan kelas bawahan.

Kemunculan *budi* boleh difahami melalui pertautan dengan sistem adat yang bertindak sebagai norma sosial Melayu. Sistem ini telahpun wujud sejak dari zaman pra-Islam dan ia telah dibawa oleh kelompok Melayu-Deutro dari Yunan sejak ratusan tahun dahulu. Hasil daripada interaksi antara nilai *budi* dengan sistem berkenaan, dari sini terpujilah nilai-nilai sosial tertentu iaitu tolak ansur, hormat menghormati, kerjasama, bertimbang rasa, pemaaf, malu dan sabar, individu Melayu berinteraksi sama ada sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Melayu (Wan Abdul Kadir, 1993; Zainal Kling, 1995, 1993; Norazit Selat, 1997). Kemunculannya difahami menerusi ungkapan yang dipaparkan dalam bahasa kiasan dan penulisan sebagaimana termaktub dalam perbilangan kata Melayu;

*Ibu adat muafakat  
Bulat air kerana pembentung  
Bulat bangsa kerana muafakat*

*Kebukit sama di daki  
Ke lurah sama dituruni  
Sama menghayun sama melangkah  
Yang elok dek awak*

Selain dari sistem adat, kemunculan nilai *budi-Islam* juga diperkukuhkan dengan persekitaran geografi ataupun fizikal. Alam Melayu dikenali sebagai peradaban yang bercirikan kelautan dan kepulauan. Persekitaran geografi yang sedemikian telah mengukuhkan pembinaan nilai *budi* melalui pengaruh falsafah air dan semangat padi. Secara semula jadi, air memiliki sifat lemah lembut dan rendah diri. Manakala sifat padi pula memaparkan nilai merendahkan diri, yang mana walaupun ia semakin berisi namun tetap merendahkan diri. Nilai inilah yang meresap ke dalam *budi* dan sifat semula jadi alam berkenaan tercerna di lubuk jiwa Melayu. Misalnya, individu Melayu yang dihormati merupakan mereka yang merendahkan diri, iaitu semakin banyak ilmu diperoleh maka semakin berbudi dan merendahkan diri keterampilannya. Tanah Melayu juga memiliki iklim dan kedudukan geografi yang terlindung dari bencana alam. Keadaan sebegini secara tidak langsung telah mempengaruhi jiwa dan tindakan etniknya untuk tidak bekerja keras kerana sumber rezeki yang mudah, hasil dari tanah yang subur, laut yang kurang bergelora dan hutan yang kaya dengan sumber makanan yang memustahilkan mereka ditimpa kebuluran. Suasana sebegini bukan sahaja membuka peluang kepada mana-mana individu untuk menghabiskan masa lapang dengan bersuka ria, berhibur dan berehat, malah juga mempengaruhi mereka untuk tidak berkerja keras.

Hasil daripada persekitaran geografi yang sedemikian, ikatan dalaman telah mempertautkan komuniti Melayu dengan alamnya sehingga mencetuskan perasaan untuk berterima kasih kepada alam yang banyak berbudi. Kemunculan nilai terhutang *budi* ini kemudiannya telah mengukuhkan lagi matlamat untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam kehidupan komuniti Melayu, sehingga membenihkan perasaan taat dan patuh terhadap kuasa alam. Menerusi pemupukan perasaan sebegini, mereka mengharapkan keamanan dan keharmonian terus mendominasi persekitaran di Tanah

Melayu. Justeru, persekitaran yang senang dan aman di Tanah Melayu telah mengukuhkan lagi kemunculan nilai *budi-Islam* yang menjadi teras pembinaan identiti Melayu.

## **PENGUKUHAN ISLAM SEBAGAI TERAS IDENTITI MELAYU**

Sejarah telah menunjukkan kebudayaan Melayu tidak berkembang ke tahap yang membanggakan sehinggalah kemunculan agama Islam di Tanah Melayu menerusi pendudukan golongan Arab di Kedah dan Palembang (Rita Rose Di Melgo, 1970) serta proses pengislaman Sultan Melaka pada tahun 1419. Menerusi penerapan konsep ‘tauhid’ dan ‘taqwa’ nilai rasional dan falsafah telah berkembang dan seterusnya mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu (Al Attas, 1972; hal. 173-175). Kesan penyerapan nilai Islam yang teradun di dalam acuan budi Melayu telah menyemai nilai Islam ke dalam kerangka budaya Melayu sehingga melahirkan Islam yang bersifat kemelayuan.

Intipati ajaran Islam yang menekankan persamaan sesama manusia dan menggariskan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT sebagai teras perbezaan antara mereka, telah menarik masyarakat Melayu menerima Islam sebagai pegangan hidup (Wan Abdul Kadir, 2000). Tarikan ini juga kerana matlamat utama pelaksanaan perundangan Islam adalah menjamin kesejahteraan dan keadilan dalam kehidupan bermasyarakat. Ketelusan sifat pentadbiran ini jelas terpancar semenjak Islam tersebar di Madinah di zaman pentadbiran Nabi Muhammad SAW dan berterusan sewaktu pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin. Begitu juga sewaktu kerajaan Abbasiyah di Baghdad dan Kerajaan Islam di Andalus ataupun Sepanyol (Abdul Wahab Khallaf, 1987). Bertitik tolak dari sini, nilai keislaman telah bertindak menyuburkan unsur budaya Melayu menerusi pertautannya dengan norma dan nilai sosial (sistem adat) Melayu yang dipaparkan menerui bahasa kiasan, hubungan sosial, kerjasama ekonomi, politik dan pendidikan. Kesan penyebatan dan pengadunannya dalam jangka waktu yang panjang dengan sistem adat, nilai keislaman kemudiannya telah berpasak di dalam diri individu Melayu dan seterusnya menjadi teras dalam pembentukan jati diri dan identiti mereka (Wan Abdul Kadir, op. cit. hal. 17-19). Manakala hasil daripada proses interaksi dan asimilasi dengan nilai-nilai kemelayuan, imej komuniti Melayu dilihat sebagai beridentitikan dua nilai utama iaitu kemelayuan dan keislaman ataupun kemelayuan-Islam (Anthony, 2000).

1. Sudut bahasa. Pengaruh Islam dalam sistem adat Melayu terpapar di dalam unsur bahasa, pendidikan, sosial dan politik. Ia mempunyai nilai yang tinggi kerana melaluinya identiti sesebuah komuniti etnik tertentu boleh dikenali (S. Takdir Alisjahbana, 1966; Alis Puteh, 2006). Bahasa yang boleh mengolah jiwa sesebuah komuniti etnik merupakan bahasa yang bersifat dalaman ataupun disebut sebagai bahasa batin yang diungkapkan melalui bahasa kiasan dan peribahasa. Menurut Wilkinson (1925), peribahasa Melayu memberi sumbangan besar untuk memahami hati budi Melayu dan seterusnya mengenali sifat dan identiti mereka. Pada zaman pra-Islam, kebanyakan bahasa kiasan dituturkan dengan tujuan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan ketika berhubungan sama ada sesama Melayu ataupun dengan komuniti bukan

Melayu. Dengan kemunculan Islam, penyebatian antara matlamat *budi* dengan kehendak syarak telah mengukuhkan lagi kehalusan jiwa Melayu sehingga memaparkan identiti keislaman. Misalnya, penekanan agama Islam dengan sifat sabar ketika berhadapan dengan musibah dan kepentingan melaksanakan hukum Islam terungkap dalam peribahasa seperti '*sabar itu separuh dari iman, biar mati anak jangan mati adat, adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah*' (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000). Kekuatan pengaruh Islam juga terungkap dalam aspek komunikasi. Menurut Asmah Haji Omar, dari sudut sosiolinguistik, kesopanan, keislaman dan kesantunan Melayu ketika berkomunikasi terserlah dengan penggunaan kaedah secara tidak langsung ketika menyampaikan hasrat tertentu. Bentuk komunikasi sebegini digalakkan kerana dapat mengelakkan konflik sama ada ketika berhubungan sesama mereka ataupun dalam masyarakat majmuk (Asmah Hj. Omar, 1992; 1998). Justeru, komuniti Melayu dididik untuk meluahkan isi hati menerusi tutur kata yang berlapik bagi mengekalkan keharmonian dalam kehidupan masyarakat dan kerana kata-kata yang berterus terang dipersepsikan sebagai tidak beradab dan kurang sopan (Zaaba, 1965).

2. Dari sudut pendidikan. Kemunculan Islam di Tanah Melayu telah membawa perubahan yang besar terhadap sistem pendidikan Melayu dari bertemakan cerita-cerita rakyat kepada sistem pendidikan Islam yang menekankan pengisian rohani. Ia mencakupi ilmu tauhid, feqah dan sebagainya yang bermula di surau, masjid, istana dan kemudiannya berkembang dalam pendidikan pondok dan pesanteran. Hasilnya, Islam telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme yang bukan sahaja mempengaruhi kelas Melayu atasan, tetapi juga mencakupi kelas Melayu bawahan (Al-Attas, 1972). Dengan pengukuhan semangat ini, nilai-nilai keislaman meresap ke dalam lubuk jiwa sehingga melahirkan para intelektual yang berjiwa Islam seperti Nuruddin al-Raniri, Shamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf Singkil, Hamzah al-Fansuri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain lagi. Kelompok inilah kemudiannya bertanggungjawab mengukuhkan identiti Islam dalam kalangan komuniti Melayu dengan menerapkan pengajaran berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Pengislaman komuniti Melayu telah menggalakkan perkembangan pelbagai ilmu di Tanah Melayu seperti ilmu *syar'iyah* ataupun *naqliyyah* yang merangkumi tiga teras utama iaitu *usuluddin*, *fiqh* dan *tasawwuf*. Manakala untuk memperkasakan pemahaman dalam kalangan komuniti Melayu, kebanyakan bahan rujukannya digunakan dari Tanah Arab seperti kitab *al-Durr al-Manzum* oleh al-Shirazi, *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali dan *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2000).

Dengan berkembang pesat sistem pendidikan Melayu-Islam, secara tidak langsung kedudukan Bahasa Melayu berjaya dimartabatkan menerusi pengajaran sama ada melibatkan aspek keislaman ataupun persoalan metafizik, falsafah dan saintifik. Hasilnya, sekitar abad ke-15M hingga ke-17M Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa perantaraan dan bahasa ilmu di kawasan

Alam Melayu. Misalnya, kemunculan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang dikunjungi oleh pelbagai pedagang dan pendakwah dari seluruh pelusuk dunia, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama dalam hal ehwal perdagangan dan perniagaan. Malah ia juga menjadi bahasa rasmi kepada lebih daripada seratus juta umat manusia di Alam Melayu.

Selain daripada pengukuhan identiti komuniti Melayu menerusi pendidikan, Islam juga telah meningkatkan sistem penulisan rumi menerusi tulisan jawi. Tulisan ini pula mempunyai hubungan yang rapat dengan tulisan dan Bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran. Dengan kemunculan Bahasa Melayu bertulisan jawi, dari sini bermulanya perkembangan sastera tulisan. Jika sebelum ini perkembangan sastera lisan dalam kalangan komuniti Melayu lebih menekankan aspek hiburan, namun dengan adanya sastera tulisan, fungsi penulisan lebih menjurus kepada aspek pendidikan. Misalnya pada zaman Kesultanan Melayu-Islam Melaka, penumpuan utama bidang penulisan Melayu lebih berkisarkan kepada tiga tema utama. Antaranya, karya yang berteraskan *tasawwuf* dan falsafah seperti hasil karya Hamzah al-Fansuri. Kedua, karya kesusasteraan yang berbentuk keagamaan dan ketatanegaraan, seperti hasil karya Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan lain-lain. Ketiga, kisah-kisah lagenda Islam seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan lain-lain. Tema-tema yang dikemukakan ini jelas memaparkan identiti Melayu-Islam yang tersemat di lubuk jiwa Melayu. Antara tokoh yang hebat dalam bidang penulisan adalah Hamzah al-Fansuri dan ketokohnya dalam bidang penulisan sangat ketara sehingga digelar sebagai ‘Bapa Sastera Melayu-Islam (Abdul Rahman Hj. Abdullah, *ibid.*)

3. Dari sudut budaya. Kesan daripada perkembangan Islam di rantau Melayu, unsur-unsur budaya Islam telah meresap secara beransur-ansur ke dalam sistem adat sehingga berjaya mengikiskan ciri-ciri kehinduan. Antara unsur utama yang ditekankan adalah aspek tauhid, persamaan taraf dan persaudaraan sesama anggota masyarakat (Mahayudin Hj. Yahya, 1998). Hasil dari pengukuhan Islam di lubuk jiwa Melayu, pembudayaan cara hidup secara aman dan harmoni serta memupuk perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, telah diamalkan. Dari sini sikap saling bantu-membantu, bertanggungjawab, adil dalam hubungan sesama manusia dan semangat berkerjasama terungkap ketika berinteraksi (Abdullah Ishak, 1992) sama ada dalam hubungan sesama Melayu ataupun dengan komuniti bukan Melayu. Pertautan antara nilai keIslaman dengan *budi*, telah mengukuhkan lagi penonjolan identiti berkenaan menerusi proses sosialisasi yang bermula di peringkat keluarga, dan kemudian berkembang menerusi penubuhan institusi sosial seperti masjid, sekolah serta institut pengajian tinggi. Misalnya, jika di peringkat keluarga, kanak-kanak diasuh agar menghormati dan mentaati ibu bapa dan melanggar perintah mereka merupakan satu penderhakaan kerana bertentangan dengan kehendak syarak. Perkara yang sama juga ditekankan di sekolah, iaitu murid-murid dikehendaki menghormati para guru dengan mematuhi terhadap setiap perintah arahnya (Wan Abdul Kadir, 1993, hal. 13-25).



4. Dari sudut politik dan perundangan. Perubahan ketara dalam bidang politik adalah penerapan unsur-unsur politik Islam ataupun *siyasah syariyyah* yang bersifat sejagat, adil dan saksama. Pelaksanaan ini bermula di peringkat pemerintah ataupun sultan menerusi pengislamannya kerana kelompok ini yang berperanan mentadbir wilayah dan daerah, manakala kelas bawahan hanya mematuhi segala arahannya (Roff, 1975). Dari sini nilai Islam meresap dalam sistem pemerintahan dengan menekankan kewajipan rakyat untuk mematuhi pentadbiran pemimpin yang adil, iaitu mereka yang mentaati Allah dan Rasul-Nya. Hasil daripada proses penyebatian Islam di lubuk jiwa Melayu, menjadikan darjat Sultan diangkat bukan setakat pemimpin Islam tetapi pelindung terhadap agama Islam. Misalnya, ikatan yang kukuh dengan agama ini menyebabkan Sultan Deli dari Sumatera berusaha menentang sekerasnya gerakan Sumatera Thawalib dan Muhammadiyah apabila cuba menyebarkan ajaran sesat di Sumatera (Ariffin Omar, 1995)

Selain itu Islam juga telah berjaya mempertautkan hubungan yang erat antara sultan dengan para ulama' sehingga merancakkan lagi perkembangan keilmuan Islam. Ini yang berlaku semasa pentadbiran Sultan Sultan Malik al-Zahir di Samudera-Pasai, Sultan Mansur Shah di Melaka dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh. Di Aceh misalnya, minat yang mendalam terhadap keilmuan Islam menyebabkan para Sultan Aceh telah mendirikan puluhan pusat pendidikan Islam di masjid bagi kemudahan rakyat. Manakala untuk membolehkan para pelajar mencapai ke tahap yang lebih tinggi, mereka yang berminat akan dihantar untuk menyambung pelajaran ke Mekah, Madinah, India dan Mesir (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2000).

Islam juga menjadi teras ke arah pengukuhan sistem perundangan di Alam Melayu. Di Melaka misalnya, terdapat dua buah teks undang-undang yang dipengaruhi oleh agama Islam sepenuhnya iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Kedua-dua buah teks perundangan membuktikan bahawa peraturan Islam dilaksanakan di rantau ini dan ia bukan sahaja memfokuskan undang-undang jenayah, tetapi juga mencakupi aspek-aspek yang lain seperti mu'amalah, kekeluargaan, keterangan dan acara. Kekuatan pengaruh Islam dalam bidang perundangan diperakui oleh Ahmad Ibrahim (1981) dan menurutnya

*“Sebelum kedatangan penjajah Inggeris undang-undang Islam sudah dilaksanakan di Malaysia, dan hakim-hakim British mengakui bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang negeri ini”.*

Jika dikaji dan dianalisa Hukum Kanun Melaka, didapati nilai keislaman jelas terungkap di mana di bahagian permulaan undang-undang tersebut dimulai dengan konsep Islam dan diikuti dengan kedudukan Sultan Mahmud dan para sultan Melaka sebagai 'khalifah'. Selain itu dimuatkan juga satu fasal undang-undang yang berkaitan dengan para menteri, pegawai istana dan pasukan ketenteraan yang menyeru mereka agar bertindak dan mentadbir berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad Ibrahim, 1981, hal. 1-15).

Pengukuhan agama Islam di dalam sistem adat telah menanamkan ikatan akidah yang kukuh antara komuniti Melayu dengan penciptanya, sebagaimana terungkap dalam perbilangan kata Melayu iaitu, 'biar mati anak jangan mati adat' (Zainal Kling, 2000). Pertautan ini seterusnya telah meniupkan semangat *jihad* untuk mempertahankan seluruh ruang lingkup Islam dari dihina, dikeji dan dicerca. Hasilnya muncul segelintir individu Melayu yang sanggup mati ketika memperjuangkan kedudukan Islam dari dipermainkan-mainkan. Misalnya tindakan tentera guerilla Bintang Tiga/Cina menghina agama Islam secara mengotori masjid dengan najis babi dan cuba menukarkan waktu sembahyang Jumaat kepada hari Sabtu setelah empat belas hari pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu (1945), telah mencetuskan kemarahan seluruh komuniti Melayu. Kesannya pertempuran tercetus di antara komuniti Melayu dengan Bintang Tiga/Cina dan konflik lebih kepada melindungi kesucian agama Islam dari hinaan golongan kafir dan kelompok ini dipersepsikan sebagai golongan kafir yang boleh diperangi (*kafir harbi*) (Cooper, 2001; Cheah, 1983). Begitu juga dengan perjuangan yang dipaparkan oleh Tuk Janggut, Datuk Bahaman, Abdul Rahman Limbung ketika berhadapan dengan ancaman British (Ramlah Adam, 2003). Tindakan yang sama juga terungkap pada masa kini apabila nilai keislaman dipandang remeh oleh komuniti bukan Melayu seperti dalam kes forum memeluk Islam oleh Majlis Peguam, pertikaian pembinaan masjid dan azan di kawasan-kawasan tertentu.

Pertautan antara sistem adat dengan agama Islam juga telah mengukuh dan melebar luaskan lagi identiti Melayu. Jika menerusi sistem adat, hubungan kerjasama lebih terpupuk di antara komuniti Melayu dengan masyarakat serumpun dan se peradaban yang muncul dari rantau Melayu, namun dengan keuniversalan Islam, ikatan hubungan kerjasama dengan komuniti bukan Melayu yang beragama Islam telah bertaut. Sejarah telah memaparkan iaitu menerusi perkongsian agama Islam, semangat kerjasama telah terjalin di antara komuniti Melayu dengan golongan Arab berketurunan Melayu (juga digelar Darah Keturunan Arab-DKA) dan Jawi Peranakan (dikenali juga Darah Keturunan Keling-DKK) ketika berhadapan dengan ancaman British dan golongan pendatang (Roff, op. cit.). Selain itu, menerusi kesejagatan nilai Islam juga menjadikan etnik Melayu berjiwa besar dan berpengaruh dalam dunia Islam. Sewaktu isu karikatur Nabi Muhammad SAW dipermainkan oleh media massa Denmark, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meminta Malaysia menjadi pendamai untuk memulihkan keadaan (Suara Merdeka, 2006). Malah wakil dari Malaysia juga pernah dilantik untuk mengetuai persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (*Organization of the Islamic Countries-OIC*) (Tunku Abdul Rahman, 1977) dan kini Malaysia menjadi contoh yang mewakili negara Islam yang aman walaupun mempunyai komposisi etnik yang bersifat majmuk.

Seteguh manapun Islam teradun budaya dan identiti komuniti Melayu, namun, penghayatan Islam di kalangan mereka bukanlah bersifat menyeluruh, iaitu seluruh budaya Melayu distrukturkan secara mutlak dengan nilai-nilai keislaman. Kekuatan nilai *budi* yang menguasai lubuk jiwa Melayu menjadikan

sebahagian dari saranan Islam dipegang secara longgar dan bercanggah dengan apa yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kelonggaran ini semakin kuat, apabila Islam bertembung pula dengan fahaman sekular dari Barat dan ideologi ini dipopularkan pula oleh kelas atasan yang mendominasi tampuk pemerintahan. Apa yang berlaku, ajaran Islam ini akan diolah mengikut acuan *budi* dan seterusnya melahirkan nilai keislaman yang berunsurkan Kemelayuan sehingga menimbulkan persepsi di kalangan komuniti bukan Melayu iaitu *masuk Islam* membawa maksud *masuk Melayu* (Mohamad Abu Bakar, 1999; Anthony, 2004). Pengonsepsian yang berbeza di antara komuniti Melayu dengan agama Islam, telah mencetuskan pertembungan pendapat di antara kelompok Melayu yang berpendidikan agama dengan kelompok yang berpendidikan Inggeris dan Melayu, terutamanya melibatkan bentuk pelaksanaan Islam sama ada dilaksanakan mengikut hukum Hudud ataupun hanya mementingkan aspek tertentu semata-mata. Pertembungan pendapat dalam memahami Islam di antara sesama Melayu kemudiannya telah mencetuskan perpecahan dalam ideologi politik yang telah pun bermula semenjak kedatangan British di Tanah Melayu dan berterusan sehingga masa kini. Secara keseluruhannya, dengan penyebatian nilai keislaman dilubuk jiwa Melayu secara tidak langsung telah menyemaikan perasaan sensitif dan semangat untuk melindungi agama Islam sekiranya di ancam.

## **PERANAN NILAI *BUDI-ISLAM* KETIKA MENGEMUDIKAN HUBUNGAN SESAMA MANUSIA**

Hasil interaksi di antara *budi-Islam*, sistem adat dan persekitaran geografi di Tanah Melayu, telah membawa kemunculan nilai-nilai sosial tertentu iaitu nilai tolak ansur, hormat menghormati, kerjasama, bertimbangrasa, pemaaf, malu dan sabar. Menerusi nilai-nilai ini, komuniti Melayu berinteraksi sama ada sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Melayu.

Secara sejarahnya, Tanah Melayu tidak memiliki sejarah yang panjang kerana hanya melibatkan Semenanjung Tanah Melayu, iaitu satu yang kawasan kecil yang berpusatkan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, dan berkembang ke wilayah-wilayah yang lain seperti Pahang, Johor, Kelantan dan Terengganu (Khoo Kay Kim, 2001, hal. 16-43). Sepanjang perkembangannya, pemberontakan secara besar-besaran dari rakyat terhadap pemerintah tidak pernah berlaku. Apa yang ada hanyalah pertelingkahan dan peperangan yang melibatkan sesama kelas atasan, iaitu sama ada sesama Sultan ataupun pembesar kerana merebut kuasa, ataupun antara pembesar dengan Sultan kerana ketidakpuasan hati dengan hukuman yang dijatuhkan kerana dipersepsikan sebagai satu kezaliman. Manakala di pihak rakyat, mereka tidak pernah mencampuri urusan kelas atasan kerana dilihat kurang beradab. Menurut Roff (1975) dan Abdul Rahman Haji Ismail (t.t.) rakyat di Tanah Melayu tidak pernah menderhakai sultan. Maksud penderhakaan di sini samalah seperti penentangan secara kekerasan sehingga menyebabkan Raja dibunuh ataupun digulingkan, sebagaimana tindakan rakyat Perancis menghalau Raja Bouborn dan tindakan gerakan Komunis menggulingkan Dinasti Qin.

Ketika berinteraksi sama ada sesama Melayu ataupun dengan masyarakat serumpun, hubungan ini berlangsung dengan harmoni. Dengan kedudukan geografi di Tanah Melayu yang terlindung dari bencana alam dan perkembangan ekonomi perdagangan yang pesat, telah menggalakkan kedatangan masyarakat serumpun seperti dari Jawa, Bali, Sumatera, Minangkabau, Aceh dan sebagainya. Dari sudut budaya, menerusi perkongsian sistem adat yang sama, menjadikan tradisi berhijrah ataupun disebut sebagai 'tradisi merantau', adalah sesuatu yang lazim kerana dapat meningkatkan prestasi kehidupan (Khazin Mohd Tamrin, 2001). Oleh itu, walaupun ramai perantau dari rumpun Melayu terutamanya komuniti Jawa mendiami Tanah Melayu, namun persengketaan kurang tercetus dengan penduduk tempatan. Sikap komuniti Melayu yang sering menekankan nilai bertolak ansur dan hormat menghormati, menyebabkan proses interaksi dan integrasi berlaku dengan mudah. Perkongsian budaya menjadi lebih harmoni apabila golongan perantau turut menghormati adat resam komuniti Melayu (Noriah Mohamed, 2001, hal. 4-6).

Menerusi nilai tolak ansur, hormat menghormati, kerjasama, bertimbangrasa dan sabar, hubungan interaksi dengan komuniti bukan Melayu telah berlangsung dengan harmoni. Dengan pencorakkannya, komuniti Melayu lebih bersikap terbuka, mudah didekati dan tidak memiliki semangat kekitaan yang keterlaluan. Hubungan baik kemudiannya telah dijalinkan dengan pedagang dari Arab, Parsi, China, India dan sebagainya sewaktu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Garapan dari faktor inilah juga menjadikan komuniti Melayu sebagai masyarakat Islam yang mempunyai perlakuan yang berbeza dengan komuniti Islam lain. Menurut Luis Filipe, sikap mereka yang lebih bertolak ansur dengan komuniti bukan Melayu menyebabkan kelompok berkenaan mempersepsikan keislaman Melayu berbeza dengan komuniti Arab yang lebih bersifat pesimistik dan tegas terhadap komuniti lain (Thomas, 1993). Malah, keterbukaan nilai yang dipegangi ini juga membolehkan komuniti luar yang berkongsi nilai keislaman yang sama diterima sebagai Melayu. Dengan pemupukan sikap bertolak ansur juga telah membolehkan komuniti bukan Melayu yang beragama Islam diterima dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kedatangan golongan Arab dan India Muslim ke Tanah Melayu telah membawa kemunculan golongan Darah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK). Di peringkat awal kedua-dua golongan ini kurang diterima disebabkan adat budaya yang berbeza, seperti sikap segelintir golongan Arab yang menekankan soal keturunan dengan mengiktirafkan keislaman mereka lebih sempurna berbanding dengan komuniti Melayu. Malah mereka juga dilihat sebagai pesaing terhadap kedudukan politik dan ekonomi komuniti Melayu (Roff, 1975, hal. 10-15). Namun dengan matlamat mengekalkan keamanan, pertembungan mereka dengan golongan DKA semakin pudar, setelah golongan berkenaan mulai menghormati adat resam, bahasa dan pemikiran Melayu. Hubungan kerjasama bertaut semakin erat setelah golongan DKA dan DKK diiktiraf sebagai Melayu dan kesungguhan sebahagian mereka melindungi hak dan kepentingan Melayu dari ancaman pihak British, komuniti Cina dan komuniti India (Mohamad Abu Bakar, 1975, hal. 1-15). Malah kesungguhan DKA dan DKK membela nasib komuniti Melayu juga berkait rapat dengan sikap baik yang dihulurkan. Sebagai membalas *budi baik* Melayu, mereka telah memberi kesedaran agar komuniti ini berubah demi membela hak dan ketuanan tanah air dari didominasi oleh pihak British dan komuniti

pendatang. Usaha ini terserlah sewaktu kebangkitan kaum muda menyedarkan mereka agar melibatkan diri dalam bidang ekonomi, pendidikan dan keagamaan sama ada melibatkan kaum lelaki ataupun kaum wanita (Roff, 1975, hal. 10).

Semangat untuk mengekalkan keamanan dalam hubungan politik dengan komuniti bukan Melayu juga terserlah sebelum merdeka dan pasca kemerdekaan. Prinsip bertolak ansur dan enggan bersengketa terserlah menerusi perlakuan Tunku Abdul Rahman (Tunku) ketika berinteraksi dengan Chin Peng dalam Rundingan Baling pada tahun 1955. Tujuan utama Tunku ingin mengadakan rundingan berkenaan adalah untuk memenuhi syarat kemerdekaan yang dijanjikan oleh British, iaitu kemerdekaan akan dicapai sekiranya perang menentang Parti Komunis Malaya (PKM)/Cina tamat. Oleh itu Tunku bercadang untuk memujuk Chin Peng agar meletakkan senjata dan bersedia memaafkan kesalahan PKM/Cina sekiranya mereka mahukan perdamaian (Barber, 1971, hal. 229-231). Namun percaturan Tunku agak silap kerana matlamat PKM/Cina yang tegar mempertahankan ideologi Komunis dan pergerakan PKM/Cina ternyata bertembungan dengan kehendak Tunku. Apa yang ingin dipenuhinya adalah keamanan dan perlindungan terhadap keselamatan seluruh penduduk Tanah Melayu, tanpa mengira sama ada komuniti Melayu ataupun bukan Melayu. Walau bagaimanapun rundingan tersebut gagal kerana keegoan dan keengganan Chin Peng untuk bertolak ansur, dengan beranggapan keamanan dan kehuru haraan hanya terletak di tangannya. Hasilnya, sebagai reaksi Tunku membuat pernyataan tegas bahawa kerajaan akan terus berperang untuk menghapuskan PKM/Cina demi kepentingan masyarakat awam. Akhir pergerakan PKM/Cina berjaya ditamatkan selepas zaman kemerdekaan.

Peneguhan semangat tolak ansur dan saling hormat menghormati komuniti Melayu akan berterusan, selagi mana hak mereka tidak dicabar secara keterlaluan. Sejarah telah menunjukkan konflik hanya akan tercetus sekiranya wujud tindakan, ataupun perlakuan dari komuniti bukan Melayu yang cuba menggugat Ketuanan Melayu dan kedudukan Islam sebagai agama utama. Ini boleh dilihat dalam beberapa peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu yang bermula dengan kedatangan British sehinggalah pasca kemerdekaan. Antaranya peperangan Naning yang membabitkan Penghulu Dol Said dengan pihak British. Konflik tercetus apabila dasar pentadbiran British terlebih dahulu menerobosi ketuanan politik Melayu di Naning dengan cuba mencampuri hal ehwal perundangan dan politik di wilayah berkenan (Abdullah Zakaraih, 2001, hal. 10-13). Seterusnya peristiwa pembunuhan James Wheeler Woodford Birch (J.W.W Birch), iaitu Residen British di Perak. Kemarahan komuniti Melayu terungkap apabila beliau terlebih dahulu bersikap angkuh dan sombong dengan cuba menggantikan bentuk pentadbiran di wilayah berkenaan dengan perundangan British. Alasannya, budaya Melayu kurang berperadaban dan sistem perundangan yang dilaksanakan tidak akan mampu meningkatkan politik dan ekonomi Melayu, serta menyelesaikan masalah lanun yang menggugat keselamatan para pedagang (Sewettenham, 2003, hal. 180-192).

Secara keseluruhannya, komuniti Melayu begitu menghormati bangsa luar kerana tujuan kehidupan mereka adalah untuk mencapai keharmonian. Bagi menjamin kelangsungan matlamat ini, komuniti bukan Melayu juga perlu bersedia untuk menghormati agama dan adat resam Melayu serta mengelakkan dari melakukan sesuatu tindakan yang boleh mencetuskan sensitiviti mereka. Antaranya ialah mempertikaikan ketuanan mereka di negara ini dan mempermainkan-mainkan isu-isu keislaman.

## KESIMPULAN

Dari sudut perspektif peradaban, *budi-Islam* merupakan teras pembentukan identiti dan jati diri komuniti Melayu dengan tujuan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Dengan semangat bertolak ansur, berkerjasama dan saling tolong menolong, para pemimpin Melayu berjaya melindungi komunitinya dari ancaman bunuh secara besar-besaran dari beberapa kuasa besar yang menjajah Tanah Melayu, British dan Jepun. Menerusi kaedah rundingan dan perbincangan juga, komuniti Melayu bukan sahaja dapat memenangi pentadbiran British agar membatalkan Malayan Union (1946), malah mereka juga berjaya memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu dari kuasa British tanpa sebarang peperangan sebagaimana yang berlaku di negara-negara luar. Dengan pengemudian nilai dalaman *budi-Islam* yang kemudiannya membuahkan nilai tolak ansur, kerjasama, hormat menghormati dan saling tolong menolong, didapati nilai-nilai ini jugalah yang menunjangi hubungan sosial antara sesama Melayu ataupun dengan komuniti bukan Melayu di Malaysia pada masa kini dan berkesinambungan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya jelas menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu dan Tanah Melayu telah memberi kesan yang besar dan meluas dalam kehidupan masyarakat Melayu. Malah Islam juga telah mengukuhkan identiti Melayu dari bertunjangan kemelayuan kepada kemelayuan-Islam. Dengan penyebatian ajaran Islam secara syumul ke dalam unsur-unsur budaya Melayu, secara tidak langsung ia telah mengangkat martabat komuniti Melayu ke tahap yang lebih tinggi dan bermaruah. Situasi ini terungkap dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada di peringkat individu, keluarga, masyarakat atau negara. Justeru, Islam merupakan teras penting bagi mengukuhkan kedudukan peradaban Melayu di rantau Alam Melayu.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2000). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara* (hal. 130-145). Kuala Lumpur: Utusan Publications,
- Abdul Rahman Haji Ismail. (tiada tarikh-t.t). Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja Rakyat Masyarakat Melayu seperti yang Terdapat di dalam Kitab-kitab Sastera Sejarah Melayu (hal. 32-57). *Kajian Malaysia* 3 (1).
- Abdul Wahab Khallāf. (1987). *Al-Siyāsah al-Syar'iyah aw Nizām al-Daulah al-Islāmiyyah fi al-Syu'ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Abdullah Ishak. (1992). *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*. (hal. 130- 134). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Zakaria. (2001). Adat dan Patriotisme di Melaka: Satu Kajian terhadap Perjuangan Orang Melayu menentang British, 1825-1832. *Adat Melayu Serumpun*. Abdul Latiff Abu Bakar (ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim. (1981). *Perundangan Islam: Dasar, Matlamat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, S.M.N. (1966). *Preliminary Statement On A General Theory of The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Attas, S.M.N. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alis Puteh. (2006). *Language and Nation Building: A Study of The Language Policy in Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Alisjahbana. (1966). *Values As Integrating Forces in Personality, Society and Culture*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Anthony, R. (2004). Understanding Melayu (Malay) As A Source of Diverse Modern Identities, dalam *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundries*, Singapore: Singapore University Press.
- Ariffin Omar. (1999). *Revolusi Indonesia dan Bangsa Melayu: Runtuhnya Kerajaan-Kerajaan Melayu Sumatera Timur Pada Tahun 1946*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1992). Indirection As A Rule Of Speaking Among The Malays (hal. 175-186). *The Language Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1998). *Concepts of Conflict, War and Peace in The Malay Language*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Barber, N. (1971). *The War of Running Dogs: How Malaya Defeated The Communist Guerilla, 1948-1960*. London.
- Carolina Lòpez C. (2001), The British Presence in The Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions (hal. 3-33). *Jurnal SARI*, Vol.19. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Cheah, B. K. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance Social Conflict During and After The Japanese Occupation* ( hal. 25-60). Singapore: S'pore University Press.
- Cooper, B.C. (2001). *Decade of Change Malaya & The Straits Settlements, 1936-1945* (hal. 439-441). Singapore: Graham Bash.
- Cortesao.A. (1944). *The Suma Oriental of Tom Pires*.Vol.1&2. London: Hokluyt Society.
- Farouq Hamadah. (1988). *Dalil al-Gharibin Ilad al-Salihin*. (hal. 191-199 dan 369). Morroco: Dar al-Thaqafah, Dar al-Baidha',
- Hamka. (1981). *Lembaga Budi*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Ismail Noor dan Muhammad Azham. (2000). *The Malays Par Excellence...Warts and All Introspection*, (hal. 9-11.) Subang Jaya: Pelanduk Publications
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2000). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur
- Khoo Kay Kim, (2001), *Malay Society Transformation & Democratisation A Stimulating and Discerning Study On The Evolution of Malay Society*, Selangor: Pelanduk Publication.
- Khazin Mohd. Tamrin. (2001). Dinamika Adat dan Tradisi Merantau, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.). *Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahathir Mohamad. (2002). Ucapan Perdana, dalam *Himpunan Kertas Kerja Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*(i-xv). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Hj. Yahya. (1998). *Islam Di Alam Melayu* (hal. 100-109). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malik Imtiaz Sarwar. (2005). We are Committed to Dialogue A Response to Criticism of The Interfaith Commission Initiative, *Aliran Monthly*, Vol. 25, hal. 13-20.
- Mohamad Abu Bakar. (1999). Manhaj Melayu 1900-1999 Kupasan Kritis Terhadap Pemikiran Pokok dan Pelakuan Paksi Pribumi( hal. 40-56). *Pemikir*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.

- Mohamad Abu Bakar. (1994). Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi. *Potret Masa*, Jilid 1. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Mohd. Aris Haji Othman, (1985), *Identiti Etnik Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norazit Selat. (1997). Adat Antara Tradisi dan Kemodenan, dalam Norazit Selat, et.al (eds.) *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi & Moden*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed. (2001). Adat Jawa dan penerimaannya di Malaysia, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.) *Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (2003). *Pejuang-pejuang Kemerdekaan*. (hal. 185-221). Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Rita Rose Di Melgo. (1970). Arab Trade With Indonesia and The Malay Peninsula From The 18<sup>th</sup> to The 16<sup>th</sup> Century, dalam D.S Richard (ed.). *Islam and The Trade of Asia*. Oxford: University of Pemsylvania Press.
- Roff, W. (1975). *Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shafie Abu Bakar. (1984). Falsafah Pemikiran Melayu ditinjau Dari Perkembangan Bahasa dan Sasteranya. *Bahasa dan Sastera Nusantara: Sejarah dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Swettenham, F. (2003). *Perihal Melayu (Malay Sketches)*. (Zubaidah Ibrahim, Terjemahan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Suara Merdeka (13 Febuari 2006). *Suara Merdeka*. <http://suaramerdeka.com/v1/index.php>.
- Thomas. L.F.F.T. (1993). Masyarakat Melayu Menjelang Penaklukan Portugis: Satu Intrepretasi Tentatif Berdasarkan Dokumen Portugis yang Masih Ada Hingga Kin. Dalam Ismail Hussein. et.al.(eds.). *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tunku Abdul Rahman. (1977). *Looking Back: Monday Musings and Memories*.(hal. 75-76). Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*, Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir. (1993). *Budi Sebagai Asas Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wilkinson, R.J. (1925). Malay Proverbs on Malay Character. *Papers on Malay Subjects: Malay Literature*. Part 3. Kuala Lumpur.
- Zaaba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. (2000). *Melayu Baru: Pencerahan Adat dan Adab*, (hal. 9-11). Universiti Malaya: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.
- Zainal Kling. (1995). Manusia Melayu, Alam dan Tamadunnya. *Antara Patriotisme dan Globalisasi*. Kerajaan Negeri Melaka & GAPENA.
- Zainal Kling. (1993). Melayu Baru: Pencerahan Adat dan Adab. *Simposium Melayu Baru*. Kuala Lumpur: ITC Book Publisher.